

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI  
SALLEH [ PASIR PUTEH ]**  
**TARIKH : 27 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah justifikasi Kerajaan mahu menggabungkan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang pastinya akan membawa kepada pembangunan pendidikan negeri Terengganu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada kebolehpayaan dan kepakaran kedua-dua universiti, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 April 2019 telah mencadangkan supaya Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) digabungkan. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menubuhkan satu Jawatankuasa Pemandu yang diketuai oleh Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (KPPT) untuk memastikan proses penggabungan ini dapat dilaksanakan dengan efisien dan efektif.

Melalui perbincangan awal pada 26 dan 27 September 2019, UMT dan UniSZA telah bersetuju untuk menggunakan peluang penggabungan ini bagi memperkasakan lagi kebitaraan bidang fokus kedua-dua buah universiti, mempertingkatkan kualiti perkhidmatan serta memberi lebih nilai tambah kepada mahasiswa, fakulti serta komuniti setempat.

Beberapa sesi libat urus telah diadakan bersama-sama pihak berkepentingan universiti iaitu Pengerusi LPU, pengurusan tertinggi, wakil-wakil staf akademik, staf pentadbiran dan sokongan, mahasiswa dan alumni. Kementerian juga telah mendapatkan maklumbalas daripada wakil-wakil agensi persekutuan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Kewangan (MOF), Jabatan Peguam Negara (AGC) dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA). Sesi libat urus bersama Gabungan Majlis Presiden Dan Setiausaha Kehormat Kesatuan Kakitangan Universiti/IPTA Malaysia (GAKUM) juga telah dilaksanakan.

Dapatan awal perbincangan dengan pihak berkepentingan telah memperlihatkan keupayaan dan potensi UMT dan UniSZA sebagai sebuah universiti baharu yang menjadi peneraju terulung dalam integrasi keilmuan Islam dan sains terutamanya dalam bidang Ilmu Peradaban Islam dan Sains Kelautan. Rasionalisasi penggabungan UMT-UniSZA ialah:

## NO. SOALAN : 32

1. Melonjakkan pencapaian dan kecemerlangan akademik, penyelidikan dan pengantarabangsaan;
2. Melipat ganda kapasiti, keberhasilan dan impak sumber manusia, kepakaran dan fasiliti universiti;
3. Perluasan akses dan kemudahan, fasiliti, infrastruktur kepada para pelajar dan kakitangan. Perluasan akses dan kemudahan ini akan mempertingkatkan kualiti pembangunan pelajar dari segi akademik dan sahsiah; dan
4. Menjadi sebuah pusat rujukan kebitaraan di peringkat global dalam era merentas disiplin (*transdisciplinary*).

Justeru, penggabungan ini bakal memperkasakan hub pendidikan tinggi di negeri Terengganu serta memperkukuhkan kebitaraan bidang fokus sedia ada dan mengembangkan kebitaraan bidang fokus baharu dapat diwujudkan melalui aktiviti *transdisciplinary*. Kerajaan akan memastikan penggabungan ini tidak akan merugikan mana-mana pihak yang terlibat kerana ia dapat melonjakkan prestasi dan pencapaian universiti ke tahap yang lebih cemerlang di peringkat negara dan antarabangsa. Sesi libat urus bersama-sama pihak berkepentingan akan diteruskan bagi melicinkan proses penggabungan dalam tempoh yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.